

PENYELARASAN ISU TANGGUNGAN KONTRAK DAN LAIN-LAIN SENARIO: RUJUKAN SURAT MOF – PENAMBAHBAIKAN PROSES KELULUSAN BAGI PERMOHONAN PEMBAYARAN MELALUI INVOIS TANPA PESANAN KERAJAAN (INVOIS TANPA PT) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN BERTARIKH 25 NOVEMBER 2022

BIL	PERKARA	PERTANYAAN	MAKLUMBALAS PEMILIK ARAHAN PERBENDAHARAAN / PEKELILING PERBENDAHARAAN BERKAITAN PEROLEHAN
1.	Tanggungans Kontrak	<p><u>Kelewatan menerima peruntukan</u> Bagi kontrak yang sedang berkuatkuasa (contoh:pembersihan pejabat), PTJ tidak dapat mengeluarkan tanggungan kontrak ePerolehan bagi bulan Jan-Mac 2023 kerana peruntukan belum diterima. Peruntukan hanya diterima pada 03 April 2023.</p> <p>Senario 1: PTJ telah menerima invoice secara manual bagi bulan Jan-Mac 2023</p> <p>Senario 2: PTJ belum menerima invoice secara manual & online bagi bulan Jan-Mac 2023</p> <p>Bolehkah PTJ mengeluarkan tanggungan kontrak ePerolehan (erkhidmatan bulan Jan-Mac 2023) dalam bulan April 2023 memandangkan peruntukan lewat diterima bagi Senario 1 & 2?</p> <p>Jika tidak dibenarkan, adakah PTJ perlu mendapatkan kelulusan Pegawai Pengawal untuk pembayaran perkhidmatan bulan Jan-Mac 2023 menggunakan modul invoice tanpa pt?</p>	<p>Agensi perlu melaksanakan kaedah pembayaran Invoice tanpa PT dengan kelulusan Pegawai Pengawal disebabkan tanggungan tidak dilaksanakan bagi perolehan bulan Januari sehingga Mac (Rujuk surat MOF rujukan MOF.BPK(S)600-14/28/2(6) bertarikh 25 November 2023)</p>
2.	Pelarasan amaun selepas Pesanan Kerajaan bagi Pembelian Terus (PO) / Tanggungan Kontrak (C) telah selesai proses pembayaran	<p><u>Amaun terkurang bayar setelah pembayaran eP sempurna</u></p> <p>Senario 1 : Pesanan kerajaan bagi pembelian terus (PO) PTJ mengeluarkan Pesanan Kerajaan eP RM1,000 bagi perkhidmatan catering. Pembekal tersilap kunci masuk invoice eP RM10 dan PTJ telah menyempurnakan pembayaran RM10 tersebut. Syarikat telah menuntut pembayaran bagi RM990 yang telah terkurang bayar.</p> <p>Adakah PTJ dibenarkan untuk terus membuat bayaran bagi baki yang terkurang bayar tersebut menggunakan Invoice tanpa PT tanpa mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal?</p> <p>Senario 2 : Tanggung Kontrak bersama (CO) PTJ mengeluarkan Tanggungan Kontrak (CO) bermasa bagi Perkhidmatan Katering berjumlah RM2,000. Pembekal tersilap kunci masuk amaun pada invoice eP berjumlah RM200. PTJ telah menyempurnakan bayaran tersebut. Syarikat telah mengemukakan invoice manual bagi baki bayaran yang terkurang bayar kepada PTJ berjumlah RM1,800.</p> <p>Adakah PTJ dibenarkan untuk terus membuat bayaran bagi baki yang terkurang bayar tersebut menggunakan Invoice tanpa PT tanpa mendapatkan kelulusan daripada Pegawai Pengawal?</p>	<p>Agensi perlu melaksanakan kaedah pembayaran Invoice tanpa PT dengan kelulusan Pegawai Pengawal disebabkan bayaran telah disempurnakan di dalam system eP. Agensi adalah diingatkan supaya melaksanakan proses semakan yang lebih teliti bagi mengelakkan berlaku sebarang kesilapan</p>